


# WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## K A N D U N G A N :

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM. CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM. CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dofah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63



No. Fail MBNS. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—: ★ :—

Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Perseatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

**DATO' RAIS YATIM**  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



كبرياتوان سجاړا ماليسيا  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY**

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

---

## SERPIHAN RASA

—: 0: —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD. ISA DATO' HJ. AD. SAMAD PMC)

Pengerusi

Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

# RENCANA PENGARANG



Buat sekian kalinya 'Warisan' telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.


Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.

# JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1981 — 82



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan  
(Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakari  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jejebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN**  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

—————: ★ :—————

- Pengerusi* : En. Hashim bin Jasa, AMN.
- Setiausaha* : En. Ramthan bin Hj. Maarof
- Pen. Setiausaha* : En. Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa* : Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PIK.  
En. Abd Hamid bin Idris  
En. Mustafa bin Hj. Sharif  
En. Mohd. Hisa bin Tahat  
En. Tan Ghee Peng, AMN.  
En. Ahmad bin Sihat  
En. Mazlan bin Abdullah  
En. Ibrahim bin Mustafa  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.  
Puan Aishah bte Md. Sharif  
Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

—————: ★ :—————

- Pengarang* : En. Mazlan bin Abdullah (Ketua)  
En. Ibrahim bin Mustafa  
En. Mohd. Misan bin Mastor
- Rekabentuk* : En. Abd. Hamid bin Idris
- Kewangan & Pemasaran* : En. Tan Ghee Peng, AMN.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.



# TOKOH ULAMAK BATU KIKIR : HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDUL KARIM

OLEH

MUSTAFA BIN HJ. DOLAH

SEK. MEN. KING GEORGE V, SEREMBAN, N. SEMBILAN.



## Pendahuluan

Kepentingan peranan yang dimainkan oleh golongan alim ulamak di negeri ini telah menjadi kenyataan sejak sebelum merdeka lagi. Peranan dan tanggungjawab ini terus menerus bersambung sehinggalah dewasa ini. Ianya bertujuan untuk membebaskan dan menyedarkan masyarakat Islam dari fikiran dan idea-idea yang berbentuk 'Taghut'. (1) Di samping itu penyedaran ini sekali gus akan menjauhkan masyarakat dari menjiwai sistem Jahiliyah yang telah meracuni fizikal dan mental umat Islam di negeri ini sejak beberapa kurun yang lalu (2). Ini menyebabkan masyarakat Islam semakin menjadi kucar-kacir dalam semua aspek kehidupan mereka, sama ada dari aspek politik, ekonomi, sosial dan aspek aqidah itu sendiri. Akibatnya masyarakat Islam telah jauh dari menjadikan Islam itu sebagai 'The Way of Life'.

Di Negeri Sembilan tugas dan tanggungjawab tersebut telah didukung oleh beberapa orang tokoh ulamak yang sentiasa berusaha dengan gigihnya ke arah pencapaian cita-cita tersebut, walau pun tokoh-tokoh yang terdapat di negeri ini tidaklah sehebat tokoh-tokoh yang terdapat di negeri di Utara Semenanjung dan di Pantai Timur. Apa yang jelas ialah tokoh-tokoh ini sebanyak sedikit telah memberikan khidmat dan sumbangan yang paling berharga dan bernilai kepada masyarakat Islam negeri ini. Di antara tokoh-tokoh ulamak yang pernah didapati di negeri ini ialah:

- |   |                   |
|---|-------------------|
| 1. Haji Jamaluddin bin Haji Idris       | dari Linggi       |
| 2. Haji Mohd Said bin Haji Jamaluddin   | dari Seremban     |
| 3. Haji Abdullah bin Haji Mohd Said     | dari Seremban     |
| 4. Haji Ahmad bin Haji Mohd Said        | dari Seremban     |
| 5. Haji Mansor bin Haji Mohd Said       | dari Seremban     |
| 6. Lebai Abbas bin Zakaria              | dari Linggi       |
| 7. Haji Luna bin Haji Sidek             | dari Jelebu       |
| 8. Haji Idris bin Dato' Umki Udin       | dari Jelebu       |
| 9. Lebai Muhamaddiah bin Mohd Zain      | dari Jelebu       |
| 10. Haji Darun bin Haji Ibrahim         | dari Seri Menanti |
| 11. Haji Zakaria bin Mohd Qari          | dari Seri Menanti |
| 12. Tuan Ismail bin Jaaman (Tuan Tulus) | dari Tanjung Ipoh |
| 13. Lebai Maadah bin Layang             | dari Padang Lebar |
| 14. Haji Abdul Majid bin Haji Ibrahim   | dari Johol        |
| 15. Haji Ahmad bin Dagang Alim          | dari Johol        |
| 16. Haji Muhammad bin Haji Itam         | dari Rembau       |
| 17. Haji Muhammad bin Haji Daud         | dari Rembau       |
| 18. Haji Dahat bin Haji Mohd Nor        | dari Rembau       |

- 
1. Taghut — Istilah bagi sebarang kuasa orang perseorangan, kumpulan, ideologi atau kepercayaan yang boleh menyelewengkan manusia dari menyembah dan menurut peraturan-peraturan Allah.
  2. Sistem Jahiliyah — Suatu sistem yang berlawanan dengan sistem dan undang-undang Islam seperti yang berlaku di kalangan masyarakat Arab sebelum kedatangan agama Islam.

- |   |                     |
|---|---------------------|
| 19. Haji Abdul Ghani bin Mohd Nor         | dari Rembau         |
| 20. Haji Uthman bin Haji Talib            | dari Rembau         |
| 21. Haji Mohd Yatim bin Haji Zainal       | dari Rembau         |
| 22. Haji Nordin bin Abdul Manaf           | dari Rantau         |
| 23. Haji Othman bin Khatib                | dari Rantau         |
| 24. Haji Muhammad bin Haji Mustafa        | dari Jempol         |
| 25. Haji Abdul Kudus bin Haji Ahmad       | dari Jempol         |
| 26. Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Karim | dari Batu Kikir (3) |

Berdasarkan kepada bilangan ulamak-ulamak yang terdapat di Negeri Sembilan ketika itu, jelas memperlihatkan kepada kita seolah-olah penyampaian dakwah dan syiar Islam untuk mengeluarkan manusia dari kesesatan kepada cahaya pertunjuk, mengeluarkan manusia dari kebatilan kepada hakikat kebenaran dan mengeluarkan manusia dari kezaliman kepada keadilan agak menyeluruh, walaupun mereka berada di peringkat, tahap, periodik dan implimentasi yang berbeza di antara satu sama lain.

Untuk pengkhususan saya memberi fokus kepada seorang tokoh di Daerah Jempol, yang terkenal dengan kegigihannya untuk memberikan kesedaran kepada umat Islam setempat. Kira-kira 1 batu dari pekan Batu Kikir, jalan menghala ke Bahau di sini terdapat sebuah perkampungan pondok yang mendapat perhatian dari masyarakat Islam di situ. Pondok ini dikenali dengan nama pondok Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Karim (4).



Allahyarham Haji Abdul Majid bin  
Haji Abdul Karim.

### **Riwayat Hidup Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Karim**

Tuan Guru Haji Abdul Majid adalah dari keluarga petani yang sederhana. Beliau dilahirkan di Kampung Kuala Rembang Panas, Juaseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 1hb. Januari 1906. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Juaseh sehingga tamat darjah enam dengan mendapat sijil pertama. Beliau merupakan salah seorang murid yang pintar dan dikasihi oleh guru-gurunya. Beliau juga pernah dinasihatkan oleh gurunya supaya menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Ingeris, tetapi permintaan ini tidak direspon oleh penjaganya. Pada masa itu masih terdapat anggapan yang tebal bahawa sekolah Ingeris merupakan sekolah orang-orang kafir dan akan mengkristiankan orang-orang Islam.

3. Lintasan Riwayat Hidup Ulamak-Ulamak Negeri Sembilan Di Seminar Dakwah Islamiah Negeri Sembilan — SDAR, Seremban, 12hb — 13hb, December 1980.
4. Lihat tokoh ulamak yang terakhir yang terdapat di dalam senarai nama ulamak di dalam artikel ini.

Perkara yang lebih sensitif lagi di waktu itu ialah anggapan yang menyatakan bahawa apabila seseorang itu hampir mati nanti mereka tidak tahu mengucap. Inilah keadaan dan situasi masyarakat Melayu pada masa itu yang menyebabkan Tuan Guru Haji Abdul Majid tidak terus menyambung pelajarannya ke sekolah Inggeris.

Allahyarham mula-mula mempelajari ilmu agama hanya sewaktu menjangkan umur 18 tahun. Sebelum ini beliau telah bekerja membantu bapa saudaranya yang bekerja sebagai Juru Ukur di hutan Negeri Pahang. Semasa di sana Allahyarham telah jatuh sakit dan akhirnya dibawa balik ke kampungnya. Setelah kesihatannya pulih, dengan inisiatifnya sendiri dan juga dengan mendapat restu dari beberapa orang bapa saudara dan keluarganya, termasuklah Allahyarham Dato' Haji Ujang bin Menuang, bekas ADO Kuala Lumpur, beliau telah dihantar belajar di pondok Allahyarham Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Mustafa Kuala Jempol selama 3 tahun. Allahyarham telah diakui oleh Tuan Guru Haji Mustafa sebagai seorang murid yang berpotensi dan mempunyai prospek masa depan yang cemerlang untuk menjadi seorang ulamak yang ulung di negeri ini. Tuan Guru Haji Mustafa juga mengakui bahawa beliau telah dapat menyelesaikan beberapa masalah fekah (fiqh) yang telah diberikan kepadanya dalam kuliah dan seterusnya dapat menandingi pelajar-pelajar yang lebih kanan dan lebih lama di situ.

Allahyarham kemudiannya telah menyambung pelajarannya ke pondok Sik, Kedah selama 4 tahun. Setelah itu beliau terus melanjutkan pelajarannya di Mekah, di salah sebuah sekolah yang dikenali dengan Al Madrasah as Solatiah. Di sana beliau telah bergerak aktif dimana bersama-sama sahabatnya telah mengasaskan pusat pengajian tinggi "Dar al Ulum Makkah al Mukarramah". Beliau merupakan pelajar pertama yang mendapat "Shahadah al 'Aliah" (Sijil Tertinggi Dar al Ulum) dari institusi tersebut.

Selain dari mengikuti pelajaran di madrasah-madrasah di Mekah al Mukarramah, beliau juga pernah mengikuti kuliah kuliah di Mas'ud al Haram dan pernah menimba ilmu pengetahuan dari beberapa orang ulamak terkemuka Mekah dalam berbagai bidang seperti Ilmu Agama, Bahasa Arab dan sebagainya. Di antara guru-gurunya ialah as Sheikh Hasan Mashat, as Sheikh Zaharuddin, as Sheikh Muhsin dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1935, beliau terpaksa pulang ke tanah air, walaupun hasrat dan cita-citanya untuk menuntut dan mempelajari ilmu agama di sana selama 15 tahun, tetapi disebabkan oleh masalah keluarga, beliau hanya dapat menuntut di sana selama 7½ tahun. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah menyampai dan mengajar ilmu agama di Madrasah Kuala Rembang Panas, tempat asal beliau dengan cara mendirikan beberapa buah pondok. Oleh kerana tempat itu agak kurang sesuai dari segi memperkembangkan dakwahnya, maka pada tahun 1936, beliau telah dianugerahkan sebidang tanah seluas 4 ekar di Batu Kikir oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni al Marhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Agong Yang Pertama, yang juga Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di waktu itu.

Di kawasan baru inilah beliau memulakan kariernya menyampai dan mengajar ilmu agama yang lebih berkesan secara sistem pondok. Lebih dari 500 orang pelajar dari seluruh negara Malaysia telah datang menuntut di sana. Ada juga pelajar-pelajarnya yang datang dari Negara Indonesia. Matapelajaran yang diajarkan di situ ialah seperti Bahasa Arab, (fiqh), Usuluddin, Mantiq, Balaghah dan sebagainya. Beliau lebih menitikberatkan matapelajaran ibadat dalam bentuk teori dan praktikal dan yang paling berkesan ialah sembahyang berjemaah dimestikan pada tiap-tiap waktu sembahyang.

Madrasah itu dikenali dengan nama 'al Madrasah al Majidiah ad Diniyah' Kampung Baru Batu Kikir, Negeri Sembilan dan perasmianya telah dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong yang pertama iaitu al Marhum

Tuanku Abdul Rahman bin Tuanku Muhammad pada tahun 1937.

Allahyarham dengan aktifnya telah mengembangkan dakwah Islamiah secara sukarela di Kuala Pilah khasnya dan di seluruh Negeri Sembilan amnya. Kegiatannya semasa perang dunia kedua telah tergendala apabila sebahagian dari pelajar-pelajar yang datang menuntut di madrasah tersebut terpaksa pulang ke kampung masing-masing. Selepas perang dunia kedua, minat dan sambutan masyarakat terhadap sistem pengajian pondok ini telah berkurangan, tambahan pula sistem dan method persekolahan Agama/Arab secara moden telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Sembilan. Sungguh pun begitu keazamannya untuk mempertahankan sistem pondok tetap kekal dan diwujudkan walaupun di peringkat akhir di pondok-pondok itu hanya didiami oleh seramai 30 orang perempuan-perempuan tua yang hanya tahu bersembahyang jamaah, beribadat dan mendengar kuliah-kuliah agama setiap selepas sembahyang maghrib.

Ramai di antara bekas-bekas anak muridnya telah berjaya di bidang pendidikan agama dan di antaranya telah dapat melanjutkan pelajarannya ke Timur Tengah. Ada di antara mereka ini sekarang sedang menjawat jawatan-jawatan penting di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, di Kementerian Pelajaran Malaysia dan di jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Ramai daripada mereka bertugas sebagai guru-guru agama di sekolah-sekolah seluruh Negeri Sembilan.



Contoh salah sebuah pondok Allahyarham Tuan Hj. Abd. Majid.

### Method Pengajarannya

Pada umumnya tidak ada satu method tertentu yang diimplimentasikan di dalam proses pengajarannya. Method yang pernah dijalankan ialah murid-muridnya diarahkan supaya berkumpul dalam bentuk 'halaqah' (bulat dan melengkung) dan guru berada di tengah-tengah atau di hadapan kumpulan pelajarannya dan kemudian terus menyampaikan pengajaran yang dikehendakinya pada hari itu.

Mengenai sistem pengajaran pula, sebenarnya, sebenarnya tidak ada sistem yang jelas yang dilakukan. Ia tidak mempunyai sukatan pelajaran yang tertentu,


tetapi pengajarannya hanya menekankan kepada pembacaan beberapa buah kitab tertentu. Yang dipentingkan dalam pengajarannya ialah dari segi kefahaman dan penghafalan dan murid-muridnya dimestikan memahami dan menghafal pelajarannya. Pelajaran-pelajaran yang diajarkan ialah Usuluddin (Tauhid), Fekah (Fiqh), Bahasa Arab, Tafsir, Hadis, Mantiq dan lain-lain lagi. Setelah habis sesebuah kitab itu, maka akan diganti pula dengan sebuah kitab yang lain mengikut mata-pelajarannya.

### **Pandangannya Terhadap Kumpulan Tariqat**

Allahyarham tidak pernah membuat satu kumpulan tariqat untuk diamalkan oleh penuntut-penuntutnya atau masyarakat umum. Walau bagaimana pun beliau berpendapat sekiranya tariqat yang diamalkan itu tidak bertentangan dengan aqidah Islamiah, maka tariqat itu bolehlah diamalkan kerana menurutnya 'Itulah sebaik-baik jalan untuk menghampirkan diri kita kepada Allah' (5).

### **Pandangannya Terhadap Makan Gaji (Bekerja Dengan Kerajaan)**

Allahyarham nampaknya, tidak berminat langsung untuk bekerja dengan kerajaan atau makan gaji. Beliau pernah ditawarkan oleh kerajaan Negeri Sembilan beberapa jawatan penting seperti mufti, qadi dan Guru Besar Sekolah Menengah Arab yang akan didirikan oleh kerajaan Negeri Sembilan, tetapi semuanya ditolak oleh beliau dengan alasan berdikari dalam mengembangkan syiar Islam adalah lebih berkesan kerana tidak terikat dengan pemerintah atau kerajaan. Walau bagaimana pun Allahyarham diminta oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman untuk mengajar agama dan Bahasa Arab di Istana Besar Seri Menanti.



Rumah kediaman Allahyarham Tuan Hj. Abd. Majid.

- 
5. Pertemuan dengan anak Allahyarham, Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Abdul Majid di rumahnya di Batu Kikir.

Rakan-rakan Allahyarham yang seangkatan dengannya ramai yang bekerja dengan kerajaan, di antaranya ialah Allahyarham Sheikh Haji Ahmad, bekas Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Allahyarham Haji Hasan bekas Mufti Kerajaan Melaka, Datuk Haji Ahmad Mahir bekas Mufti Kerajaan Kelantan, Haji Abu Bakar Mufti Kerajaan Pahang dan ramai lagi tokoh ulamak tanahair yang lain.

Pada tahun 1950an Allahyarham Sheikh Haji Ahmad Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang juga rakan persekolahannya di Mekah dahulu, dengan kebijaksanaan telah berusaha memujuk beliau supaya menjadi salah seorang dari anggota Jawatankuasa Syariah Dan Majlis Fatwa di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Beliau telah berkhidmat secara sukarela di jabatan itu hanya beberapa tahun sahaja, kerana beliau tidak mahu terlibat dengan fatwa-fatwa yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berasaskan al Quran, al Hadis, al Ijmak dan al Qias. Oleh sebab itu beliau telah meletakkan jawatan dari jawatankuasa tersebut kerana beliau berpegang kuat kepada konsep yang benar tetap benar dan yang salah tetap salah. Beliau hanya berpandu kepada al Quran, al Hadis, al Ijmak dan al Qias yang berasaskan kepada al Mazhab as Shafie'iah sahaja. Bertaqlid kepada satu-satu mazhab untuk menyelesaikan masalah-masalah tidak dapat diterima oleh beliau.

Oleh kerana beliau tidak bekerja dengan kerajaan, beliau telah berusaha dengan gigihnya untuk menampung perbelanjaan hariannya. Kegigihan beliau tidak ada tolok banding di bidang ekonomi, di mana Allahyarham telah berusaha berladang, bersawah, membuat dusun buah-buahan dan lain-lain aktiviti yang boleh menambahkan hasil pendapatan. Selain dari itu beliau juga telah mendapat bantuan sebanyak sedikit dari masyarakat tempatan. Sebagai hasil dari kegigihan beliau, beliau telah dapat membeli berbelas-belas ekar tanah yang telah ditanam dengan getah dan buah-buahan yang sekarang telah pun mengeluarkan hasil.

Sabagai kesimpulan pandangan terhadap pekerjaan makan gaji, beliau berpendapat, sekiranya tidak ada jalan lain untuk menampung perbelanjaan diri dan keluarga, untuk membantu masyarakat dan umat Islam, maka dibolehkanlah seseorang itu makan gaji atau bekerja dengan kerajaan atau bekerja di firma-firma swasta asalkan pekerjaan itu pekerjaan halal.

### **Pandangannya Terhadap Adat Perpatih**

Allahyarham dengan tegas menentang mana-mana fasal atau bab di dalam Adat Perpatih yang bertentangan dengan aqidah dan ajaran Islam. Sebagai contoh penentangan beliau terhadap Adat Perpatih yang bertentangan dengan hukum Islam, maka beliau telah berkahwin seorang perempuan yang sama suku dengan beliau iaitu suku Tanah Datar dari perut Datuk Dagang, sedangkan Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan begitu, mengikut adat di Negeri Sembilan di masa itu, sekiranya didapati mereka berbuat demikian, maka mereka akan dikenakan denda-denda tertentu. Selain dari itu mereka yang berkahwin sesuku juga tidak akan berpeluang merebut jawatan Pusaka Dato' Lembaga atau Orang Besar Adat di Istana. Di samping itu mereka ditakut-takutkan dengan perkara-perkara atau kepercayaan-kepercayaan karut seperti keturunan akan cacat atau sebagainya. Sedangkan sebagaimana yang diketahui bahawa perkara-perkara dan amalan-amalan tersebut adalah terang-terang menyalahi agama. Dengan cabaran yang dilakukannya terhadap Adat Perpatih itu, maka beliau berharap masyarakat Islam di Negeri Sembilan akan dapat menilai sendiri di mana benar dan salahnya Adat Perpatih itu. Oleh itu Adat Perpatih yang berkonsepkan 'Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah' tidak dapat diterima oleh beliau, dimana-mana yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam.

Untuk memastikan yang beliau tidak terikat dan tertakluk dengan konsep dan amalan Adat Perpatih, beliau tidak mahu duduk di rumah pusaka. Beliau

telah berusaha sendiri membeli tanah dan membuat rumah untuk tempat kediaman beliau dan keluarga beliau, kerana menurut beliau inilah cara sebaik-baiknya yang dikehendaki oleh Islam.

### **Pandangannya Terhadap Politik Tanahair**

Parti politik yang berteraskan kepada al Quran dan al Hadis merupakan parti politik yang baik dan itulah sebenarnya yang dikatakan Politik Islam. Parti yang tidak bertentangan dengan Islam perlu disokong dan didukung supaya ia tidak diganggu-gugat oleh politik yang berbentuk nasionalisma, sosialisma, kapitalisma dan sebagainya. Walau bagaimana pun beliau tidak memasuki mana-mana parti politik yang terdapat di tanahair sehinggalah ke akhir hayatnya. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat Islam di negara ini, tetapi melalui dakwahnya masyarakat Islam sepatutnya telah memahami bahawa Islam itu adalah agama yang universal yang meliputi semua bidang kehidupan manusia bagi amalan dunia dan akhirat. Dengan itu terpulanglah kepada masyarakat untuk menghayatinya kerana masyarakat yang mempunyai kesedaran akan tentu sekali dapat menilai sesuatu kebenaran.



Makam Allahyarham Haji Abdul Majid.

### **Kegiatan Di akhir Hayatnya**

Allahyarham tetap gigih berdakwah dengan mengadakan kuliah-kuliah pada tiap-tiap malam selepas menunaikan sembahyang fardhu Maghrib kepada jemaah-jemaah dan penghuni-penghuni pondoknya yang terdiri dari perempuan-perempuan tua. Selain dari itu beliau terus menyampaikan kuliahnya kepada masyarakat

tempat pada tiap-tiap malam Jumaat, sementara di sebelah siangnya pula di-  
khaskan untuk kaum ibu. Selain dari itu terdapat juga masyarakat dan orang-  
orang perseorangan dari luar kawasan Batu Kikir datang mengunjungi beliau pada  
tiap-tiap pagi Ahad untuk belajar Bahasa Arab, nahu, tafsir dan sebagainya.

Allahyarham meninggal dunia pada hari Selasa petang, 2hb. Mei 1978,  
bersamaan 24 Jamadi al akhir 1398, ketika berusia 74 tahun. Beliau meninggalkan  
seorang balu Puan Hajjah Khairiah binti Hamzah 62 tahun, 5 orang anak, 2 lelaki  
dan 3 perempuan dan mempunyai 18 orang cucu.

#### **Antara Kelebihan-kelebihan Beliau**

- a. Oleh kerana beliau seorang yang disanjung kerana zuhud dan salihnya,  
maka ramai masyarakat Islam dari luar dan kawasan yang berhampiran  
yang menghadapi beberapa masalah, datang menemui beliau untuk menda-  
patkan bantuan doa darinya. Alhamdulillah, biasanya doa beliau  
akan dikabulkan oleh Allah.
- b. Di daerah Jempol dan Kuala Pilah, biasanya bila ada kematian, beliau  
akan dijemput untuk mengetuai upacara sembahyang jenazah.
- c. Allahyarham tidak akan menghadiri sebarang kenduri, andainya di tem-  
pat kenduri itu ada permainan muzik, kompang dan sebagainya, kerana  
beliau menganggap permainan-permainan tersebut boleh melalaikan.
- d. Allahyarham seorang yang kuat beribadat, sentiasa berjamaah pada  
tiap-tiap waktu sembahyang, sentiasa mengerjakan sembahyang sunat  
seperti sembahyang sunat asyraq, witr, dzuha, qiam-al-lail dan lain-lain  
lagi.
- e. Allahyarham cepat mesra dengan sesiapa sahaja yang berbual dengan-  
nya, tetapi perbualannya lebih banyak membawa unsur-unsur nasihat  
dan agama.

#### **Bahan-bahan Rujukan**

1. Al Quran dan tafsirannya.
2. Al Hadis dan tafsirannya.
3. Maklumat-maklumat yang diambil dari pertemuan saya dengan Tuan Haji  
Ahmad bin Haji Abdul Majid yang dibuat pada 1hb. November 1981 yang lalu,  
di rumahnya di Batu Kikir, Negeri Sembilan.
4. Pengertian Jahiliyyah Suatu Penganalisaan oleh En. Mokhtar bin Shafie, Di-  
skusi — Keluaran bulan Ogos/September 1977, 34-36, Yayasan Anda, Kuala  
Lumpur.
5. Seminar Dakwah Islamiah Negeri Sembilan Anjuran Jabatan Agama Islam  
Negeri Sembilan pada 12-15hb. Disember 1980 di SDAR — Lihat mengenai  
'Lintasan Riwayat Hidup Ulama-ulamak' Negeri Sembilan, halaman 17-24.

*Perkara yang sangat berguna ialah seorang lelaki yang mengetahui darjat dirinya,  
tahu keatas akalnya, kemudian bekerja mengikut darjat dan batas itu.*

— Imam Shafie.